



Spa hotel
5 bintang
jalankan
aktiviti pelacuran



wajah
muka 3

Kamarul sebati
menyelam
di dasar laut



DBKL perkenal
pelekat
tunda kereta

8

KENDERAAN ANDA TELAH DI TUNDA
TEL : 03 - 4024 4424 / 03 - 4041 7705
KENDERAAN TELAH DIBAWA KE DEPAN SURUTAN KENDERAAN SOKEL
(JALAN 1/10A OFF JALAN SENILE, 51000 KUALA LUMPUR)
NO. PENDAFTARAN TARIKH / MASA DITUNDA

Kuala Lumpur perlu ada karakter sendiri, kekalkan
landskap semulajadi seperti negara-negara maju

Bandar raya seni, budaya



KEGIATAN seni dan budaya perlu menjadi identiti landskap Kuala Lumpur. - Gambar hiasan.



KUALA LUMPUR perlu dilengkapi landskap berasaskan seni dan budaya yang berkait rapat dengan masyarakat di persekitarannya sebagaimana dilakukan di negara-negara maju.

Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Rotina Mohd. Daik berkata, pembentukan karakter sebuah bandar raya dengan identiti seni dan budaya menjadikannya lebih menarik berbanding pembangunan yang mengabaikan persekitaran di sekelilingnya.

Tegas beliau paradigma pembangunan juga perlu diubah iaitu pihak pemaju mengekalkan keadaan semula jadi dengan memasukkan elemen-elemen pembangunan baharu di dalamnya.

"Bukan roboh dan korek semua kemudian kita buat balik. Kalau tengok sesetengah negara maju yang lain, mereka sangat menitikberatkan tentang penjagaan landskap," kata beliau.

**LAPORAN PENUH
DI MUKA 2**

Landskap ibu negara perlu diimbangi persekitaran hijau, seni dan budaya

Kuala Lumpur perlu ada karakter sendiri

Oleh **NAZWIN NAZRI**

winwilayahku@gmail.com

Foto **NAZIRUL ROSELAN**

KUALA LUMPUR - Sebagai sebuah negara maju, Kuala Lumpur seharusnya mempunyai karakter pembangunan landskap tersendiri yang dapat menonjolkan budaya dan kesenian masyarakat setempat sekali gus merencanakan industri pelancongan negara.

Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Rotina Mohd. Daik berkata, landskap pembangunan yang berasaskan kesenian dan budaya masyarakat setempat akan menjadikan bandar tersebut lebih menarik berbanding pembinaan yang mengabaikan persekitaran sekelilingnya.



ROTINA

Memetik contoh konsep pembangunan landskap di Bali, Indonesia, beliau memberitahu, pembinaan yang mementingkan pemuliharaan karakter landskap setempat dapat mencipta aspirasi persekitaran yang cantik di samping menggalakkan gaya hidup sihat.



KAWASAN taman yang dikelilingi bangunan pencakar langit di Kuala Lumpur menampilkan landskap yang menarik.

Jelas beliau, perkara itu sejajar dengan tema sambutan Hari Landskap Negara iaitu Malaysia Negara Taman Terindah iaitu sebuah negara yang pembangunan fizikalnya diimbangi dengan persekitaran hijau, terurus, bersih dan indah selain mempunyai

ruang fizikal persekitaran yang unik, beridentiti serta berkualiti.

"Apa yang dimaksudkan dengan beridentiti adalah bandar-bandar ini mempunyai karakter tersendiri yang mana landskapnya dihubungkan dengan

persekitaran serta budaya setempat.

"Di negara maju, aktiviti seni dan budaya itu merupakan identiti bandar yang dikaitkan dengan landskap dan itu yang kita cuba terapkan tetapi perkara ini memakan masa terutamanya yang membabitkan kesenian," katanya kepada Wilayahku di sini baru-baru ini.

Rotina memberitahu, selain fokus kepada kesenian, masyarakat juga perlu bertamadun, berbudaya tinggi dan menghargai keseimbangan pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan persekitaran kerana bandar terbentuk daripada pengaruh budaya setempat.

Beliau turut berharap paradigma pembangunan perlu diubah iaitu pihak pemaju mengekalkan keadaan semulajadi dengan memasukkan elemen-elemen pembangunan baharu di dalamnya.

"Bukan roboh dan korek semua kemudian kita buat balik. Kalau

tengok sesetengah negara maju yang lain, mereka sangat menitikberatkan tentang penjagaan landskap dan hanya meletakkan pembangunan di dalamnya," tegas beliau yang berhasrat langkah itu dapat diamalkan di negara ini.

Spa berselindung di hotel lima bintang tawar khidmat seks

KUALA LUMPUR - Spa yang beroperasi di hotel lima bintang merupakan antara premis yang dipercayai menawarkan perkhidmatan gadis pelayan pelanggan (GRO) termasuk menjalankan aktiviti pelacuran di ibu negara.

Kegiatan itu dikesan dalam beberapa siri operasi termasuk pemeriksaan dan risikan yang dilakukan penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sepanjang tahun lalu.

Pengarah Penguatkuasaannya, Azman Mahmood (gambar kecil) berkata, pihaknya mengesan beberapa premis termasuk spa di hotel lima bintang yang menjalankan kegiatan tidak

bermoral berkenaan.

"Pihak penguatkuasa DBKL berjaya mengesan spa hotel yang menjalankan perniagaan tanpa kelulusan manakala yang mendapat kelulusan pula tidak mematuhi syarat yang ditetapkan. Ada yang dibenarkan untuk 30 bilik tetapi buka sampai 40 bilik selain kelulusan untuk rumah urut tetapi tawar perkhidmatan GRO dan seks sekali.

"Kita akan ambil tindakan drastik bagi memastikan kegiatan tersebut lumpuh. Pada masa ini sebanyak 45 premis pusat urut telah

dikenal pasti dan 21 daripadanya akan dikenakan tindakan pemotongan bekalan air dalam masa terdekat," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Menurut Azman, pihaknya telah mengenakan perintah tutup premis atau sita kepada 23 buah premis yang menawarkan

perkhidmatan pusat urut termasuk spa dan pusat hiburan.

Malah katanya tindakan tegas itu termasuk memotong bekalan air terhadap premis-premis berkenaan yang didapati mengulangi kesalahan sama tanpa rasa gentar dengan



AZMAN MAHMOOD



SPA yang beroperasi di hotel lima bintang merupakan antara premis yang menjalankan kegiatan tidak bermoral.

- Gambar hiasan

tindakan perundangan.

Jelas beliau, langkah itu sekali gus dapat mengenal pasti pemilik pusat-pusat urut dan hiburan yang kebanyakannya tidak mendaftarkan lesen perniagaan secara sah.

"Sepanjang tahun lalu, sebanyak 175 buah premis didapati menjalankan perniagaan pusat urut tanpa lesen malah mer-

eka mengedarkan kad bisnes seolah-olah menjalankan perniagaan yang sah.

"Selepas tindakan pemotongan air dilakukan, pemilik bangunan akan datang dan kita boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang penyewa premis mereka berdasarkan dokumen akur janji penyewa dengan pemilik," ujarnya.

109 individu diperintah hadir kaunseling di pejabat JAWI

KUALA LUMPUR - Sebanyak 109 surat perintah hadir (SPH) dikeluarkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini.

Penolong Pengarah Operasi Bahagian Penguatkuasa JAWI, Norhanini Ismail berkata, SPH dikeluarkan kepada individu yang didapati melakukan kesalahan di bawah Kanun Jenayah Syariah yang

bertujuan untuk mencegah salah laku berkenaan.

Jelas beliau, langkah tersebut merupakan perintah arahan untuk hadir kaunseling berikutan individu terbabit dikategorikan sebagai bersubahat dalam kegiatan tidak bermoral.

"Setiap orang Islam yang berada di tempat

hiburan yang didapati menawarkan minuman keras atau aktiviti-aktiviti sumbang juga boleh dicaj di bawah Kanun Jenayah Syariah.

"Walaupun tiada bukti bahawa mereka minum, tetapi apabila berada di dalam kawasan berkenaan mereka didapati bersubahat. Tangkapan dibuat sekiranya kita mempunyai



NORHANINI ISMAIL

bukti-bukti kukuh," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Menurut Norhanini, kebanyakan orang Islam tidak mengetahui bahawa keberadaan mereka di pusat hiburan atau lokasi-lokasi seumpamanya adalah salah dan melanggar undang-undang di bawah Kanun Jenayah Syariah.

Oleh itu, katanya, JAWI mengeluarkan SPH kepada mereka yang didapati bersalah dan bertujuan

untuk memberi nasihat menerusi kursus pementapan akhlak.

Beliau memberitahu, pihaknya juga berusaha menyantuni setiap individu beragama Islam menerusi kempen dan memberi khidmat nasihat sebelum tindakan tegas diambil.

Norhanini memaklumkan jumlah SPH dikeluarkan pada tahun lalu adalah sebanyak 821.

Kamarul sebati dengan dasar lautan

Oleh **AZLAN ZAMBRY**

azlanwilayahku@gmail.com

LAUT sememangnya menjanjikan pemandangan yang indah. Lagi indah sekiranya dapat menyelam ke dasar lautan yang penuh dengan khazanah alam yang berwarna-warni seperti pelbagai spesies hidupan maritim dan terumbu karang.

Namun tidak semua orang mempunyai keberanian menyelam ke dasar lautan.

Bagi penyelam muda, Kamarul Ikhsan Asiran, 18, yang berasal dari Kampung Lubok Temiang, Labuan, lautan sudah sebati dengan dirinya. Dia telah bersahabat dengan laut sejak dari kecil lagi.

Menyelam ke dasar laut merupakan suatu yang amat digemarinya dan dia mengikuti jejak langkah ayahnya, Asiran Jamal yang juga seorang penyelam dasar laut.

"Ketika berumur 10 tahun, saya telah diajar menyelam oleh ayah dan ketika itu. Menyelam sungguh menyeronokkan," ceritanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Kamarul yang memiliki lesen menyelam dari Kelab Menyelam Naui bersama adik dan kakaknya mempunyai kemam-



KAMARUL (kiri) bergambar dengan adiknya, Mukhriz Ikhsan bersama ikan hasil tangkapan daripada bubu mereka.

puan menyelam hingga 30 meter ke dasar laut.

"Untuk menjadi penyelam, saya perlu hadir kursus selama sebulan di mana saya diajar mengenai teknik selaman dan latihan kecemasan.

"Setelah semua ujian dan teknik yang diajar dipatuhi semasa ujian praktikal, baru kami diberikan lesen menyelam," katanya.

Kata Kamarul, pengalaman menyelam sukar untuk ditafsirkan kerana dia dapat melihat keajaiban hidupan dasar laut dengan pelbagai spesis ikan berwarna-

warni disamping pelbagai spesies terumbu karang ternyata sangat mempersonakan.

"Timbul keinsafan ketika menyelam kerana secara automatiknya kita mengakui kebesaran Allah yang mencipta pelbagai hidupan yang indah di dasar laut," katanya.

Kata Kamarul, antara kenangan yang tidak dapat dilupakan ialah dia tiga beradik bersama ayah mereka menyelam bersama-sama untuk meninjau bubu yang diletakkan di dasar laut.



Menurut Kamarul, keluarganya telah mengusahakan perniagaan menjual ikan segar menggunakan kaedah pemasangan bubu di dasar laut sejak tahun 2004.

"Sejumlah 20 unit bubu diletakkan di dasar laut dipasang dengan sistem pengesanan kedudukan global (GPS). Kami akan menyelam dua atau tiga hari sekali bergantung kepada keadaan cuaca untuk meninjau keadaan bubu," katanya.

Jelas Kamarul, kebanyakan bubu yang dipasang memberikan hasil tangkapan yang lumayan antaranya ikan jenahak, kerapu, putih, satak atau slipper lobster, udang kara dan pelbagai jenis ketam.

Kamarul yang menyimpan cita-cita untuk menjadi nelayan moden berkata, prospek ekonomi berasaskan hidupan marin di Labuan sangat berpotensi untuk dibangunkan.

"Sebagai contoh, Jepun mampu mengeksport ikan tuna ke seluruh dunia. Jadi sudah pasti Labuan juga mempunyai kepelbagaian sumber marin yang boleh dieksport sekali gus mampu meningkatkan ekonomi," katanya yang berazam melanjutkan pelajaran dalam bidang sains sukan.

Hassanuddin sukar lupakan tragedi berdarah Mavi Marmara

HULU LANGAT - Pengalaman getir ditahan tentera rejim Israel yang menyerbu kapal misi kemanusiaan, Mavi Marmara menuju ke perairan Gaza, Palestin pada tahun 2010 sukar dilupakan oleh Ahli Parlimen Hulu Langat, Datuk Hassanuddin Mohd. Yunus.

Beliau yang menyertai 12 aktivis dari Malaysia dalam misi Flotila Life Line For Gaza (LL4G) menceritakan ketika itu hanya mengingati soal kematian setelah mereka dipaksa meniarap dengan tangan digari sebelum komando tentera rejim Zionis memijak-mijak belakang tubuh mereka.

"Malah komando tersebut turut menembak beberapa anak kapal warga Turki yang berkhidmat sebagai tukang masak kerana mempertahankan kapal tersebut.

"Ada kalangan peserta LL4G cedera parah apabila cermin matanya pecah dan kaca tersebut tertusuk pada pipinya," ceritanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Kata Hassanuddin, 54, lagi, beliau hanya mengetahui lapan rakyat Turki terkorban akibat tembakan tepat ke dahi mereka setelah tiba di penjara Israel.

Atas sumbangan beliau sebagai



HASANUDDIN beramah mesra dengan penduduk orang asli pada majlis sambutan Tahun Baru Cina di kawasan Hulu Langat baru-baru ini.

rakyat Malaysia terhadap perjuangan kebebasan rakyat Palestin, Hassanuddin baru-baru ini telah dianugerahkan Pingat Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk daripada Yang Dipertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Musta-

fa Billah Shah Ibni Sultan Ahmad Shah sempena Hari Wilayah Persekutuan 2019.

Kata Hassanuddin, anugerah tersebut membawa makna besar kerana ia memberikan pengiktirafan kepada usaha perjuangan rakyat Palestin.

Beliau yang juga Naib Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) berkata, pengiktirafan tersebut memberikan motivasi kepadanya untuk terus berbakti kepada masyarakat melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menyantuni golongan memerlukan seperti asnaf serta gelandangan.

Tambahnya, isu Palestin dan Masjidil Al-Aqsa sangat dekat di hatinya sejak menuntut di Jordan yang bersempadan dengan wilayah bergolak itu.

"Kebanyakan pensyarah dan rakan-rakan di universiti, ramai dari Palestin, jadi saya tertarik untuk turut serta memperjuangkan nasib rakyat Palestin," katanya yang merupakan bekas Pengerusi dan Pengasas Aqsa Syarif.

Hassanuddin berkata, pengalaman bergerak dalam NGO membolehkan beliau lebih mudah melaksanakan tugas sebagai Ahli Parlimen.

"Tugas sebagai pemimpin di kawasan Parlimen dengan jadual yang padat untuk menemui rakyat tidak banyak berubah berbanding sebelum menjadi wakil rakyat," katanya.